

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM
KAWASAN : TAIPING

SOALAN :

YB TUAN TEH KOK LIM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini persiapan Lebuhraya Pinggiran Pantai Barat secara terperinci. Berapakah kutipan tol untuk setiap kilometer.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kemajuan terkini penyiapan Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) adalah 63.43% bagi tempoh berakhir 15 Jun 2019. Bagi kemajuan secara terperinci mengikut negeri pula adalah 78.66% bagi Negeri Perak manakala 53.64% bagi Negeri Selangor.

Ahli Yang Berhormat, Seksyen 8 iaitu dari Hutang Melintang ke Teluk Intan sejauh 19.1KM telah dibuka pada 31 Mei 2019 dan seksyen-seksyen lain akan dibuka secara berperingkat mulai penghujung suku ke 3 tahun ini.

Berhubung kadar tol yang akan dikenakan kepada pengguna lebuh raya, saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kadar tol telahpun ditetapkan berdasarkan Perjanjian Konsesi oleh Kerajaan terdahulu. Sehingga kini kadar tol bagi lebuh raya ini masih belum diputuskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan semua aspek diambil kira khususnya impak terhadap kos sara hidup pengguna, sosio ekonomi serta implikasi kewangan kepada Kerajaan dan Syarikat konsesi sebelum sebarang keputusan mengenai kadar tol di lebuh raya ini dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.